

ABSTRAK

Secara umum, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis penggunaan ayat majmuk dalam akhbar Cina tempatan. Kajian ini menggunakan ayat-ayat majmuk yang terkandung dalam 20 teks editorial yang terpilih secara rawak daripada surat khabar *Sin Chew Daily* (bulan Mac hingga Mei, 2000). Sebanyak 328 deretan ayat majmuk dikumpulkan sebagai sampel kajian. Kajian ini cuba mengenal pasti jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan kata hubung yang terdapat dalam editorial *Sin Chew Daily*.

Pendekatan Konstituen Terdekat yang dikemukakan oleh ahli bahasa Leonard Bloomfield digunakan dalam menganalisis struktur ayat majmuk. Dalam kajian ini, ayat majmuk dibahagikan kepada ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks. Ayat majmuk ringkas terdiri daripada ayat majmuk jenis setara, pilihan, menaik, berterusan, peralihan, anggapan, syarat, sebab akibat, bertujuan dan keterangan. Ayat majmuk kompleks pula terdiri daripada ayat majmuk dua lapis, tiga lapis, empat lapis dan lima lapis. Kesalahan bahasa dalam ayat majmuk yang berkaitan dengan penggunaan kata hubung pula mempunyai tiga jenis, iaitu kekurangan hubungan erat antara klausa, kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat, dan kesalahan penggunaan kata hubung.

Dalam kajian ini, jumlah ayat majmuk ringkas yang dikumpulkan ialah 162 deretan (49.4%) manakala jumlah ayat majmuk kompleks ialah 166 deretan (50.6%). Dapatkan kajian yang utama menunjukkan kekerapan penggunaan ayat majmuk ringkas jenis sebab akibat adalah tertinggi (29.0%), diikuti dengan jenis anggapan (18.5%), jenis setara (11.7%), jenis bertujuan (11.7%), jenis peralihan (11.1%), jenis

menaik(8.6%), jenis syarat (4.3%), jenis berterusan (3.1%), jenis keterangan (1.2%) dan jenis pilihan (0.6%). Kekerapan menggunakan ayat majmuk kompleks yang tertinggi ialah jenis dua lapis (60.8%), diikuti dengan jenis tiga lapis(28.9%), jenis empat lapis (8.4%) dan jenis lima lapis (1.8%).

Dari segi kesalahan bahasa pula, ayat majmuk kompleks (62.7%) mengandungi lebih banyak kesalahan jika dibanding dengan ayat majmuk ringkas (37.3%). Kekerapan kesalahan bahasa dalam ayat majmuk ringkas ialah kesalahan penggunaan kata hubung (89.5%) dan kesalahan kekurangan hubungan erat antara klausa (10.5%). Kekerapan kesalahan bahasa dalam ayat majmuk kompleks ialah kesalahan penggunaan kata hubung (87.5%), kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat (9.4%), dan kekurangan hubungan erat antara klausa (3.1%).

ABSTRACT

The purpose of this research is to analyze the use of compound sentence in the local Chinese newspaper. Compound sentences are chosen randomly from 20 editorials from the *Sin Chew Daily* (from March to May of the year 2000). 328 compound sentences are collected as the research sample. This research attempts to categorize these compound sentences and subsequently, to identify the erroneous use of connectives in compound sentences from the editorials of *Sin Chew Daily*.

The Immediate Constituent Method by linguist Leonard Bloomfield is used to analyze the structure of the compound sentences. Here, the compound sentences are categorized into simple and complex compound sentence. Simple compound sentences consist of relation of the type similarity, ascertainment, amplification, sequential, contrast, assumption, conditional, reason-result, means-purpose and description. Complex compound sentences consist of two-, three-, four- and five-layered compound sentence. Grammatical error in the use of connectives in compound sentence can be divided into three types: lack of intra clausal relationship, structural confusion and ambiguity in the sentence layer and the erroneous use of connectives.

From the research samples, there are 162 simple compound sentences (49.4%) and 166 complex compound sentences (50.6%). Primary finding shows the highest usage in the simple compound sentences, relation of the type reason-result (29.0%), followed by assumption (18.5%), similarity (11.7%), means-purpose (11.7%), contrast (11.1%), amplification (8.6%), conditional (4.3%), sequential (3.1%), description (1.2%) and ascertainment (0.6%). Highest usage of complex compound sentence are of

the 2-layered type (60.8%), followed by 3-layered (28.9%), 4-layered (8.4%) and 5-layered type (1.8%).

Complex compound sentences showed higher frequency (62.7%) of grammatical errors as compared to simple compound sentences (37.3%). Most frequent grammatical errors in simple compounded sentences are erroneous use of connectives (89.5%) and lack of intra clausal relationship (10.5%). In complex compound sentence, the most frequent grammatical errors are erroneous use of connectives (87.5%), structural confusion and ambiguity in the sentence layer (9.4%) and lastly, the lack of intra clausal relationship (3.1%).